

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

RRW 331 - Kaedah dan Teknik Penyelidikan

Tarikh: 7 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: DUA dari setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A

Jawab DUA soalan.

1. Bincangkan berbagai-bagai unit analisis yang dapat digunakan dalam projek penyelidikan. Apakah perbezaan antara kajian aliran, kajian kelompok (cohort) dan kajian panel.

(25 markah)

2. Huraikan kegunaan soalan-soalan terbuka dan tertutup dan bincangkan kebaikan dan kelemahan soalan-soalan tersebut.

(25 markah)

3. Tafsir dan bezakan antara penduduk dan sampel. Bincangkan faedah-faedah dan kelemahan-kelemahan persampelan sistematik, susun lapis dan kelompok.

(25 markah)

BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan.

4. Bincangkan perkara-perkara berikut berkenaan dengan percabutan:-

- (a) Beratsebelah dan kesilapan percabutan.
- (b) Percabutan sistematik dengan pembahagian kemungkinan sekadar dengan saiz (PPS).
- (c) Daftar Pengundi sebagai rangka percabutan.
- (d) Cara-cara memilih satu sampel individu.

(25 markah)

5. (a) Bincangkan DUA pertimbangan semasa membentukkan kos-kod untuk tujuan pemerosesan data dengan komputer.

(10 markah)

- (b) Bincangkan secara mendalam Lima (5) daripada Tigabelas (13) prinsip-prinsip pengkodan.
Gunakan contoh.

(15 markah)

6. (a) Bincangkan perkara-perkara yang perlu diawasi semasa menjalankan temuduga supaya tidak wujudnya beratsebelah dan memastikan jawapan-jawapan direkodkan dengan tepat.

(17 markah)

(b) Bincangkan secara ringkas objektif-objektif penyuntingan semasa menjalankan kajian soal-selidik.

(8 markah)

-oooo00ooo-

21⁴